

# **31 OGOS YANG SILAP**

---

**MELAYU TIDAK DIJAJAH**

**PERAYAAN KEBANGSAAN  
PATUT DIBATALKAN ?**

**AI**

PERPUSTAKAAN NEGARA

**'AIL**



1000359707

Cetakan Pertama 1996

Cetakan Kedua 2001

Hakcipta ASMARO Enterprise

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan sesiapa juga menerbitkan mana-mana bahagian dalam buku ini, walau dalam apa bentuk sekalipun kecuali dengan izin bertulis daripada pemilik.

AHMAD BIN ISMAIL.

ISBN 983-936-00-2

1. Independence Day (Malaysia)
2. Malay - Malaysia
3. Nasionalism - Malaya
4. Malaya - History
5. Colonies

Diterbitkan oleh :

SRI KEMILAU ENTERPRISE

69-02-04 Pangsamurni Titiwangsa,

Keramat Jaya II,

Jalan Gurney,

54200 Kuala Lumpur.

Tel/Fax : 03-26942497

H/P : 019-3552235

M  
959.5  
AHM

M

1024652

20 SEP 2001  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## MUKADIMMAH

Buku ini ditulis dengan ikhlas dan terbuka. Objektif-objektif yang termuat di dalamnya bertujuan untuk membela maruah, kedaulatan dan kemerdekaan orang-orang Melayu yang pada pendapat saya telah dinukil dan dihayatkan dengan cara yang amat tidak betul; bersalahan dengan fakta-fakta sejarah.

Matlamat akhir penulisan **BUKAN** untuk memenuhi selera orang-orang tertentu, tetapi adalah untuk menegakkan tunggak kebenaran yang menjadi tugas setiap rakyat negara ini, khususnya orang-orang Melayu.

Sememangnya khazanah ilmu di negara ini telah dimuatkan dengan ribuan kisah-kisah sejarah, akan tetapi tidak semuanya hasil-hasil penulisan sejarah negara ini khususnya berkaitan dengan sejarah hidup dan perkembangan politik bangsa Melayu itu benar dan 'perfect', terutama berhubung dengan campurtangan orang-orang Inggeris seperti mana yang dibentangkan dalam buku ini.

Sepanjang pengkisahan yang dimuatkan adalah disokong oleh sumber-sumber sejarah. Bahan-bahan bukti adalah terdiri daripada sumber pertama dan kedua yang menjadi teras kepada kebenaran dan kesimpulannya.

Dari mula-mula lagi, keinginan memburaikan hasrat saya untuk melaungkan keyakinan bahawa orang-orang Melayu **BUKAN** dijajah oleh Inggeris, sememang dirasa seperti memikul beban yang tidak bergalas, ibarat menyungsung tekanan empangan yang pecah. Ini kerana setakat ini masyarakat umum, di negara ini

telah dipupuk dengan ilmu dan pendidikan 'bahawa Tanah Melayu adalah bekas tanah jajahan Inggeris....' dan kerana itu sejak 31 Ogos 1957, bila tarikh itu sampai maka perayaan pun dilangsungkan.

Perayaan menyambut kemerdekaan **BUKAN** semestinya diisi dengan kegembiraan saja, kerana disebaliknya, mengandungi seribu satu macam rahsia. Satu daripadanya, 'perayaan itu memecahkan tembelang bahawa orang yang merayakan kemerdekaan itu adalah manusia yang **PERNAH** tewas di tangan penjajahnya'.

Selagi perayaan kemerdekaan itu dirayakan, bekas penjajah juga memperolehi keuntungannya: dapat dividen dan bonus. Ini kerana perayaan kemerdekaan itu juga mengingatkan mereka, cucu mereka, cicit mereka bahawa bangsa mereka telah menjadi wira di mana-mana juga bumi yang merayakan kemerdekaan itu.

(Bagi saya orang-orang Melayu tidak perlu merayakan tarikh 31 Ogos itu, kerana bangsa Melayu **BUKAN** bangsa yang dijajah oleh Inggeris. Kita adalah bangsa yang merdeka hasil perjuangan nenek moyang kita sejak 400 tahun dahulu) Kemerdekaan kita juga adalah anugerah Allah **BUKAN** pemberian Inggeris.

Maaf atas kelemahan-kelemahan yang ada. Kelemahan dan kekurangan insan membawa kita tunduk kepadaNYA. Kesedaran ini memastikan kita sentiasa bersyukur dengan nikmatnya.

**'SELAMAT MEMBACA'**

Untuk semua rakyat Malaysia, khasnya bagi orang-orang Melayu.

Kepada anak didikku yang masih dan telah meninggalkan alam persekolahan, sama ada yang menetap di Semenanjung, di Sabah atau Sarawak, dan yang masih di perantauan, buku ini adalah 'tanda hati' dari gurumu.

**AHMAD ISMAIL**  
Pinggir Sungai Duyung  
19 Ramadhan 1416  
9 Februari 1996